

Calon: Ingatan Mahathir kepada ahli UMNO

Oleh MAZLAN OHKOM

KUALA TERENGGANU
31 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan ahli-ahli UMNO supaya mengetepikan kepentingan individu dan memberikan sokongan padu kepada sesiapa juga yang dipilih sebagai calon dalam pilihanraya umum akan datang.

Presiden UMNO itu berkata, dalam menghadapi pilihanraya, ahli-ahli UMNO harus mengetepikan kepentingan individu dan memastikan parti memperolehi kemenangan.

Menurutnya, sudah pasti akan ada pemimpin sekarang yang tidak akan terpilih sebagai calon dan janganlah keadaan itu mengakibatkan calon baru tidak mendapat sokongan padu ahli-ahli UMNO.

"Ahli-ahli UMNO haruslah menunjukkan ke-

setiaan pada parti dan bukan individu tertentu. Dengan cara itu sahaja, kita akan mendapat kejayaan yang lebih besar.

"Parti UMNO tidak mungkin kalah melainkan jika ada orang-orang tertentu dalam UMNO sendiri yang mahu mengalahkan partinya," jelas beliau.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan para pemimpin Bahagian, Pemuda dan Wanita UMNO Terengganu di Wisma Darul Iman di sini tengah hari ini.

Dr. Mahathir berkata, ada segelintir ahli UMNO yang sanggup berpaling tadah jika pemimpin mereka tidak menjadi calon dan dengan terbuka menyatakan sokongan terhadap parti lawan.

"Ini menunjukkan kita tidak ada kesetiaan kepada parti dan perkara ini memang menjadi masa-

lah yang dihadapi oleh UMNO setiap kali menjelang pilihanraya," katanya.

Menurutnya, soal pemilihan calon tidak harus menjadi sebab mengapa ahli-ahli UMNO enggan mengundi calon sendiri (UMNO) atau Barisan Nasional.

Menjawab soalan, Presiden UMNO itu berkata, jentera parti di semua peringkat harus diperkembangkan lagi di sepanjang masa bagi menghadapi pilihanraya umum akan datang.

"Saya tidak pernah berpuas hati dengan persiapan yang dibuat. Kita mesti sentiasa bersedia dan perlu diperkembangkannya sepanjang masa," katanya lagi.

Mengenai hasrat parti Pas untuk menawan Terengganu pada pilihanraya akan datang, Perdana Menteri berkata, parti itu boleh mencubanya.